

Konsep Da'Wah Bil Hal Melalui Pendekatan Dialog Nabi Muhammad SAW kepada Bukan Muslim

The Concept of Da'Wah Bil Hal Through a Dialogue of Prophet Muhammad SAW to Non-Muslims

Norafidah Binti Gordani

Calon Ijazah Doktor Falsafah Usuluddin, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA
Email: abiddhaif@gmail.com

Published: 24 December 2021

To cite this article (APA): Gordani, N. (2021). The Concept of Da'Wah Bil Hal Through a Dialogue of Prophet Muhammad SAW to Non-Muslims. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 13(2), 33-39. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.2.4.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.2.4.2021>

Abstrak

Malaysia terdiri daripada masyarakat pluralistik, yang berbeza dari aspek agama, bangsa dan budaya, justeru memerlukan kepada suatu wadah dalam kalangan masyarakat. Dalam hal ini, dialog dilihat sebagai wadah yang efektif bagi membina persefahaman dan sikap toleransi dalam kalangan masyarakat negara ini. Al-Quran dan Hadis Nabi SAW jelas membuktikan bahawa pendekatan dialog merupakan antara pendekatan dakwah yang paling efektif yang dilakukan oleh para Rasul kepada bukan Muslim. Dalam berdialog, seorang pendakwah perlu membina hubungan dengan menampilkan akhlak terpuji atau Da'wah Bil Hal, ditambah dengan menggunakan metode al-hikmah dalam berdialog seperti yang diaplikasikan oleh para rasul. Dengan demikian, artikel ini akan membincangkan konsep Da'wah Bil Hal Nabi Muhammad SAW melalui pendekatan dialog yang boleh dijadikan panduan para pendakwah. Metodologi kajian ini menggunakan kajian kualitatif iaitu dengan menganalisis teks-teks Hadis Nabi SAW yang telah terpilih yang berkaitan dengan dialog Nabi Muhammad SAW dengan sasaran dakwah baginda. Pada akhir kajian ini sebuah konsep da'wah bil hal dibina melalui pendekatan dialog Rasulullah SAW kepada bukan Muslim yang boleh dijadikan sebagai panduan para pendakwah.

Kata kunci: dialog, Nabi Muhammad SAW, bukan Muslim, Da'wah Bil Hal

Abstract

Malaysia consists of a pluralistic society, which differs in terms of religion, race, and culture, thus in need of a medium in society. In this regard, dialogue is seen as an effective medium for building understanding and tolerance among the people of this country. The Qur'an and Prophet Muhammad SAW' hadith clearly proves that dialogue is one of the most effective forms of da'wah used by the prophets to non-Muslims. In a dialogue, a preacher needs to build relationships by displaying praiseworthiness or Da'wah Bil Hal, then they need to use the method of al-hikmah in dialogue as applied by the prophets. Thus, this article discusses the concept of the Prophet Muhammad SAW's Da'wah Bil Hal through a dialogue approach that can be used as a guide for preachers. The research methodology of this study uses a qualitative study by analysing the texts of the prophet's that have been selected which to the dialogue of the Prophet Muhammad SAW with the target followers of his preaching. At the end of this study, a concept of da'wah bil hal is built through the dialogue approach of the Prophet Muhammad SAW to non-Muslims that can be used as a guide for other preachers.

Keywords: dialogue, Prophet Muhammad SAW, non-Muslim, Da'wah Bil Hal

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk, terdiri daripada pelbagai bangsa, etnik dan kaum dan terdiri daripada pelbagai agama (Muhammad Faris & Nur A'thiroh Masyaa'il, 2018; Khairul Azhar, 2019). Dengan demikian, pendekatan dakwah terbaik bersesuaian dengan masyarakat majmuk di negara ini adalah berpaksikan kepada pendekatan dakwah Rasulullah SAW sebagai pemimpin Kota Madinah yang kita maklumi memiliki kepelbagaian kaum, bangsa dan agama. (Mohd Farid Ravi, 2019).

Dakwah adalah usaha untuk mengajak manusia kepada Allah SWT dengan tujuan utamanya mengajak manusia menyembah Allah SWT sekaligus menghakis segala bentuk kesyirikan (Abdul Ghafar & Badlihisham, 2012). Keberhasilan dakwah itu sendiri sangat bergantung kepada beberapa aspek, salah satunya adalah metod dakwah yang juga disebut sebagai usul dakwah (Safrodin, 2019). Oleh itu, pendakwah memikul amanah dalam mencontohi dan mempraktikkan pendekatan dakwah tersebut dalam memastikan keberkesanan dakwah (Mohd Siroj & Rosimah, 2020). Sejarah penyebaran agama Islam di seluruh pelusuk dunia dengan jelas menggambarkan kepentingan pendakwah dalam mentransformasikan ummah, sama ada melalui *da'wah bil Hal*, *da'wah bil Lisan* dan *da'wah bil Qalam* (Kamaluddin, 2015).

Pernyataan Masalah

Persepsi negatif yang muncul dalam kalangan bukan Islam pada hari ini merupakan antara penyumbang utama kepada kerencatan aktiviti dakwah bukan Islam di Malaysia (Suzanah, 2012). Hal ini berlaku kerana kebimbangan dan ketakutan bukan Islam disebabkan salah faham dalam mentafsirkan konsep Perlembagaan Persekutuan, sedangkan kebebasan beragama di Malaysia merupakan suatu jaminan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (Khairul Azhar, 2019). Ditambah dengan proses sosialisasi politik perkauman yang akhirnya telah menimbulkan pelbagai persepsi negatif dalam kalangan masyarakat bukan Islam, apatah lagi apabila dipolitikkan oleh beberapa parti politik negara ini (Abdull Rahman et. al., 2009; Osman Abdullah, 2006; Syarul Azman et. al., 2018).

Persepsi negatif ini semakin meningkat dengan konsep *Islamofobia* yang muncul di Barat dan menyebar masuk ke Malaysia, bahkan kegiatan penghinaan terhadap Islam dan umat Islam sudah berani dilakukan secara terbuka dan tanpa sebarang sekatan melalui media massa dan media sosial (Zainab et. al., 2009). Menurut Abdull Rahman et. al. (2009) dan Mohd. Azhar et. al. (2013), secara umumnya, perspektif negatif masyarakat bukan Islam di Malaysia ini terbentuk disebabkan satu faktor yang dominan iaitu salah faham terhadap Islam. Kenyataan ini dikuatkan lagi oleh kajian Ahmad Nasir (2017) bahawa tahap kefahaman etnik Penan bukan Islam di bahagian Bintulu terhadap Islam masih rendah disebabkan mereka tidak memahami ajaran, sumber dan intipati Islam yang sebenar. Ini kerana sikap pendakwah yang gagal menonjolkan akhlak Islam yang sebenar kepada masyarakat bukan Islam, sedangkan menurut Che Nur Hasanah et. al. (2018), Izzaty Ulya Munirah & Zainab (2018) dan Burhanuddin et. al. (2018), pendakwah adalah individu yang memainkan peranan penting dalam keberkesanan usaha dakwah selain metod dan wasilah dakwah yang digunakan. Oleh itu, kegagalan pendakwah menonjolkan personaliti dan akhlak yang baik menjadi penghalang utama kepada gerak kerja dakwah.

Seperti kajian Ahmad Nasir (2017) yang mendapati bahawa sebahagian besar etnik Penan bukan Islam di bahagian Bintulu lebih mudah didekati melalui contoh teladan atau dakwah *bil hal*. Dalam berdialog, seorang pendakwah perlu membina hubungan dengan menampilkan personaliti dan akhlak terpuji, seterusnya menggunakan metod *al-hikmah* dalam berdialog seperti mana yang diaplikasikan oleh para rasul. Menurut Muhammad Thālib (2007) dan Anhar (2017), antara metod *al-hikmah* dalam dialog para rasul termasuklah menggunakan bahasa yang difahami, mudah dan menarik, mempertimbangkan tahapan dan latar belakang sasaran dakwah, seterusnya menggunakan pendekatan yang sesuai bagi setiap sasaran dakwah. Dalam penelitian kepada isu-isu yang telah dikemukakan, pengkaji melihat akan keperluan untuk menjelaskan konsep *da'wah bil hal* melalui pendekatan dialog Rasulullah SAW sebagai garis panduan pendakwah dan umat Islam secara amnya dalam usaha untuk

memantapkan kualiti dakwah dan pendakwah bagi menjamin kelangsungan dakwah kepada bukan Islam.

Konsep *Dawah Bi al-Hal* melalui Dialog

Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (1991) mendefinisikan dialog sebagai perbincangan atau perundingan antara dua pihak yang bertelingkah atau bertukar-tukar pendapat mengenai sesuatu isu secara terbuka. Dalam bahasa Arab, dialog disebut '*al-hiwar*' yang diambil daripada kata dasar *hāwara* yang bermaksud dialog yang berlaku antara dua orang atau lebih (Ahmad Mukhtār, 2008). Dari sudut istilah, dialog merujuk kepada salah satu usaha membina persefahaman yang baik, mengurangkan konflik seterusnya membina hubungan yang lebih baik (Ahmad Faizuddin & Jaffary, 2016). Dalam konteks al-Qur'an, dialog merupakan salah satu bentuk dakwah yang disampaikan oleh para rasul yang terbina berasaskan suatu sistem perbualan yang bermatlamatkan proses perkongsian maklumat khususnya berkaitan tauhid (Mohd. Abdul Nasir et. al., 2014).

Istilah dialog (*hiwar*) yang membawa maksud perdebatan dapat disoroti dalam beberapa teks ayat-ayat al-Quran. Dalam al-Quran, terdapat tiga tempat yang menggunakan perkataan tersebut dengan maksud yang berbeza (Ahmad Faizuddin & Jaffary, 2016), iaitu:

- i. Perkataan *yuhāwiruhu* dengan maksud perdebatan atau mencetus pergaduhan:

وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ فَقَالَ إِصْحَّيْهُ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ

Maksudnya: “Tuan kebun itu pula ada mempunyai harta (yang lain); lalu berkatalah ia kepada rakannya, semasa ia berbincang dengannya...” (al-Kahfi, 18:34).

- ii. Perkataan *yuhāwiruhu* dengan maksud pendekatan dakwah dan pujuhan:

فَأَلَّهُ صَاحِبَهُ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ

Maksudnya: “berkatalah rakannya kepadanya, semasa ia berbincang dengannya...” (al-Kahfi, 18:37).

- iii. Perkataan *tahāwurakumā* dengan maksud perbincangan dan meminta pendapat:

فَدَسْمَعَ اللَّهُ قَوْلَ اللَّتِي تُجْلِكُ فِي رَوْجَهَا وَشَتَّكِي إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ يَسْمَعُ تَحَاوُرَكُمَا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah telah mendengar (dan memperkenan) aduan perempuan yang bersoal jawab denganmu (wahai Muhammad) mengenai suaminya, sambil ia berdoa merayu kepada Allah (mengenai perkara yang menyusahkannya), sedang Allah sedia mendengar perbincangan kamu berdua...” (al-Mujadalah, 58:1).

Dalam pelaksanaan dialog, akan wujudnya perbezaan pendapat terhadap beberapa perkara yang dibincangkan antara pihak yang terlibat, justeru etika dialog mestilah mengekalkan sifat keterbukaan dan wujudnya rasa saling menghormati (Khadijah, 2013).

Konsep *Dawah bi al-hal* bermaksud dakwah dengan menampilkan keperibadian dan akhlak yang baik. Masy'ari (dalam Akhmad Sagir, 2015) mendefinisikan *dakwah bi al-hal* dengan istilah *dakwah bil-Qudwah* yang bermaksud berdakwah dengan cara menampilkan akhlak yang terpuji. Seperti mana memetik dari Buya Hamka (dalam Akhmad Sagir, 2015) bahawa akhlak adalah alat dakwah, iaitu budi pekerti yang dapat dilihat manusia, tidak melalui ucapan lisan yang manis ataupun tulisan yang menarik pembaca tetapi dengan budi pekerti yang luhur.

Pendakwah yang mengamalkan konsep *dakwah bi al-hal* ini lazimnya perlu memperteguhkan diri dan terus memperbaiki diri dengan amalan, akhlak, dan nilai yang baik, sebelum menjadi contoh ikutan sasaran dakwah (Zikmal & Noorhafifah, 2019). Bahkan, strategi *dakwah bi al-hal* juga dapat ditunjukkan dalam seluruh aspek kehidupan manusia (Wahyu Oktaviana, 2020; Ahmad Effat et. al., 2017). Rasulullah SAW merupakan ikutan kita para pendakwah dalam *istiqamah* mempamerkan akhlak mulia meskipun berdebat atau berdialog dengan golongan yang memusuhi Islam.

Konsep *Da'wah Bi Al-Hal* Rasulullah SAW melalui Dialog kepada Bukan Muslim

Manhaj dialog Nabi Muhammad SAW kepada bukan Muslim adalah seperti berikut:

Berlebut dengan musuh dan berkeras sekiranya perlu

عن عائشة - رضي الله عنها - قالت: إن اليهود أتوا النبي - صلى الله عليه وسلم - فقال اليهود: السام عليكم (الموت عليكم)، قالت عائشة - رضي الله عنها - : السام عليكم ولعكم الله، وغضب عليكم، فقال رسول الله - صلى الله عليه وسلم - : (إن الله يحب الرفق في الأمر كله) ، قالت عائشة - رضي الله عنها - : أو لم تسمع ما قالوا؟! فقال رسول الله - صلى الله عليه وسلم - : (قد قُلْتُ وعليكم)

Maksudnya: “Daripada Saidatina Aisyah RA, dia berkata: Sekumpulan Yahudi telah datang meminta izin untuk bertemu dengan Rasulullah lalu mereka berkata (kepada Rasulullah): *As-Samu 'Alaikum* (celakalah kamu), perbuatan mereka ini dibalas oleh Aisyah dengan berkata: Bahkan ke atas kamu lah kecelakaan dan laknat. Lalu Rasulullah menegur Saidatina Aisyah RA dengan bersabda: Wahai Aisyah, sesungguhnya Allah itu amat suka akan sikap penyantun dalam semua perkara. Aisyah menjawab: Apakah Tuan tidak dengar apa yang mereka ucapkan? (Aku dengar tetapi) aku hanya menjawab: Dan ke atas kamu juga.” (Sahih Muslim, 2007, no. 2165)

Hadis ini menunjukkan kepada kita bagaimana Rasulullah SAW amat berhemah dalam mengendalikan urusan dakwahnya biarpun dengan orang yang membenci dan memusuhi baginda. Rasulullah SAW memenangi hati mereka dengan sentiasa berakhlik baik dan berlemah lembut dalam percakapan baginda (Ahmad Sanusi, 2020).

Abu Hātim (1997, p. 3471) dalam *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm* menyebutkan bahawa Allah SWT juga tidak menghalang sekiranya pendekatan dakwah dilakukan dengan kekerasan sekiranya perlu. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW:

ذَكَرَ ابْنُ عَبَّاسٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - فِي سَبَبِ نُزُولِ سُورَةِ الْكَافِرُونَ أَنَّ جَمَاعَةً مِنْ كَبَارِ قُرَيْشٍ؛ كَالْوَلِيدِ بْنِ الْمُغَيْرَةِ وَأَبِي جَهَلِ وَغَيْرِهِمْ، جَاءُوهَا إِلَى النَّبِيِّ - عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ -، وَطَلَبُوهَا مِنْهُ أَنْ يَكُونَ مَلِكًا عَلَيْهِمْ، وَأَنْ يَتْرُكَ الدُّعَوةَ إِلَى الإِسْلَامِ، وَإِذَا لَمْ يَقْبِلْ بِذَلِكَ، فَيُعِيدُوهُمْ يَوْمًا، وَيَعْدِيهِمُ اللَّهُ يَوْمًا، فَأَخْبَرَهُمُ النَّبِيُّ أَنَّهُ لَنْ يَعْدَهُمْ، وَلَنْ يَعْدُوهُمْ إِلَهًا، وَقَلِيلٌ فِي سَبَبِ نُزُولِهَا أَنَّ رَجُالًا مِنْ قُرَيْشٍ جَاءُوهَا إِلَى النَّبِيِّ - عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ -، وَقَالُوا لَهُ: "يَا مُحَمَّدُ، هَلْ أَتَّبَعَ دِينَنَا وَنَتَّبَعَ دِينَكَ؟"، فَزَرَّلَتِ الْسُّورَةُ فِيهِمْ

“Daripada Ibnu Abbas r.a meriwayatkan bahawa kaum kafir Quraisy berusaha keras memujuk dan mempengaruhi Rasulullah SAW agar mengikuti ajaran mereka. Mereka menawarkan harta kekayaan yang sangat banyak, agar baginda menjadi orang terkaya di kota Mekah. Baginda juga ditawarkan dengan wanita yang paling cantik untuk dikahwini. Mereka berkata “Inilah wahai Muhammad yang kami sediakan untukmu, agar kamu tidak memaki dan menghina tuhan kami lagi!” Mereka berkata lagi “Wahai Muhammad, sekiranya kamu tidak keberatan mengikuti agama kami selama satu tahun, maka kami akan berbalik mengikuti agamamu selama satu tahun pula.” Lalu turunlah ayat ini:

فَلَنْ يَأْتِهَا الْكُفَّارُونَ ۚ ۖ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): “Hai orang-orang kafir!. “Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah.” (al-Kafirun, 109:1-2)

Bercakap dengan bahasa yang mudah dan difahami

عن أبي هريرة رضي الله عنه: أن رجلاً قال للنبي صلى الله عليه وسلم: أوصيني، قال: ((لا تغضب)), فردد مراراً، قال: ((لا تغضب))

Maksudnya: “Daripada Abū Hurairah, beliau meriwayatkan bahawa: “Sesungguhnya seorang lelaki telah berkata kepada Nabi SAW: Berilah wasiat (pesanan) kepadaku. Baginda SAW bersabda: Janganlah kamu marah. Maka lelaki itu bertanya berkali-kali dan Baginda SAW menjawab: Janganlah kamu marah.” (Riwayat Al-Bukhari, 2003)

Hadis ini adalah hadis yang sangat agung. Ianya adalah *Jawami' al-Kalim* kerana menghimpunkan di antara dua kebaikan, iaitu kebaikan di dunia dan di akhirat (Al-Jurdāni, 2012). Ulwān (1986) mengatakan bahawa, makna *Jawami' al-Kalim* adalah bahawa Nabi SAW berbicara dengan kalimat yang ringkas, lafaznya pendek, namun maknanya luas.

Berbicara dengan kasih sayang dan wajah yang berseri

Rasulullah SAW sangat dikenali sebagai seorang manusia yang paling banyak tersenyum dan sentiasa berwajah manis di hadapan semua orang. Sepertimana yang disebutkan oleh Abdullah bin al-Harith r.a:

ما رأيتُ أحداً أكثرَ تبسمًا من رسولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Aku tidak pernah melihat seseorang pun yang lebih banyak senyumannya melebihi senyuman Rasulullah SAW”. (Sunān al-Tirmīzī, 1975)

Antara adab seorang pendakwah adalah tidak menunjukkan perbuatan yang menampakkan permusuhan atau wajah yang bengis. Rasulullah SAW sentiasa mempamerkan wajah yang manis dan senyuman kepada seseorang pun termasuklah kepada musuh Islam. Sabda Nabi SAW:

تَبَسَّمُكَ فِي وِجْهِ أَخِيكَ لَكَ صَدَقَةٌ

Maksudnya: “Daripada Abu Dzar, Rasulullah SAW bersabda: “Senyumu di hadapan saudaramu adalah (bernilai) sedekah bagimu”. (Sunān al-Tirmīzī, 1975)

Mengiktiraf dan meraikan kedudukan (sasaran dakwah)

Pada zaman Rasulullah SAW antara pendekatan dakwah yang digunakan kepada golongan bukan Muslim di Madinah adalah melalui dakwah dengan tulisan (*Da'wah Bi Al-Qalam*). Dakwah dalam penulisan ini juga dianggap sebagai bentuk dialog kerana berlakunya komunikasi antara dua pihak (Ahmad Faizuddin & Jaffary, 2016). Baginda SAW mengutuskan beberapa orang utusan (duta) yang membawa surat seruan memeluk agama Islam ditujukan kepada Hercules (Raja Romawi), Najasyi (Raja Habshah), Kisra (Raja Parsi), dan para pemimpin besar lainnya (Zaydān, 1976, p. 463). Antaranya dalam sebuah hadis yang masyhur yang menceritakan dialog Nabi SAW dengan Raja Rom yang bernama Hercules dalam sepuak surat (Ahmad Faizuddin & Jaffary, 2016) yang berbunyi:

(بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ مِنْ مُحَمَّدٍ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ إِلَى هَرقلِ عَظِيمِ الْرُّومِ: سَلَامٌ عَلَى مَنْ اتَّبَعَ الْهُدَى أَمَا بَعْدَ فَإِنِّي أُدْعُوكَ بِدُعْوَةِ إِلَيْسَلَامٍ...)

Maksudnya: “Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dari Muhammad utusan Allah untuk Heraq Romawi yang agung. Kesejahteraan ke atas siapa yang mengikuti petunjuk. Selain daripada itu, sesungguhnya aku mengajak kamu untuk kepada seruan Islam...”

Isi kandungan surat dakwah Rasulullah SAW yang dikirimkan kepada raja-raja tersebut sentiasa dimulakan dengan kalimah *Basmalah*, sebahagian surat-surat juga diselitkan dengan ayat-ayat al-Quran. Susunan perkataan dalam surat-surat Rasulullah SAW sentiasa didahului dengan perkataan “Dari Muhammad hamba Allah dan utusan-Nya”, kemudian menyebutkan nama raja, kemudian menyebutkan kedudukan dan kekuasaannya. Surat-surat Rasulullah SAW mengandungi unsur puji untuk

mengajak para penguasa memeluk agama Islam. Metod dakwah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW di Madinah adalah tidak ada paksaan dalam agama, konsep kesamarataan, adil dan jujur, kerana Islam tidak pernah memaksa golongan bukan Muslim untuk memeluk agama Islam (Nur Dalinur, 2017).

Kesimpulan

Berdasarkan keterangan dan penelitian yang telah dijalankan, konsep *Da'wah bil hal* dalam dialog ini berperanan besar dalam menangkis persepsi negatif masyarakat bukan Islam terhadap agama Islam. Ini kerana masyarakat bukan Islam hakikatnya menilai akhlak seorang Muslim iaitu penampilan luaran pendakwah sebelum menilai keindahan Islam itu sendiri. Berdasarkan kajian ini, antara garis panduan dialog Rasulullah SAW terhadap bukan Muslim adalah dengan menggunakan bahasa dan percakapan yang lembut dan tegas sekiranya perlu, menggunakan bahasa yang mudah dan difahami, sentiasa mempamerkan wajah yang manis dan menggunakan pendekatan yang berbeza mengikut tahap sasaran dakwah termasuklah pemilihan laras bahasa dan pemilihan panggilan merujuk kepada status pangkat dan seumpamanya. Sebagai para pendakwah yang hidup di sebuah negara berbilang bangsa dan agama ini, keharmonian dan saling bertoleransi dalam anutan agama haruslah sentiasa dijaga. Oleh itu, setiap pendakwah seharusnya dapat mengekalkan dan mempamerkan akhlak terbaik apabila berlakunya aktiviti dialog antara agama atau provokasi-provokasi yang cuba menghina agama Islam. Diharapkan agar impak kajian ini sedikit sebanyak membantu memberikan panduan buat para pendakwah mendepani dan berdialog dengan masyarakat bukan Muslim.

Rujukan

- Abdul Ghafar, D., & Badlihisham, M. N. (2012). Cabaran dakwah di Malaysia sebelum dan selepas merdeka. *Jurnal al-Hikmah*, 4, 15-22.
- Abdull Rahman, M., Kamaruddin, H. S., Ahmad Sunawari, L., & Faudzinain, B. (2009). Penerimaan bukan Islam terhadap proses Islamisasi di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 2, 33-51.
- Abu Hātim, ḨAbd al-Rahmān Muhammad Idrīs al-Razī Ibn. (1997). *Tafsīr al-Qur'an al-ṣAzīm*. Makkah-Riyadh: Maktabah Nazār Mustafā al-Bāz.
- Ahmad Effat, M., Ibrahim, H., Misnan, J., & Abdul Munir, I. (2017). Dakwah kepada golongan profesional di Pahang. *Jurnal Perspektif: Edisi Khas* 1, 136-148.
- Ahmad Faizuddin, R., & Jaffary, A. (2016). Dialog antara agama menurut perspektif Islam. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3(2), 22-34.
- Ahmad Mukhtār, ᨲU. (2008). *Mujsam al-Lughah al-ṣArabiah al-Muṣāṣarah*. Kaherah: ᨲAlimu al-al-Kitāb.
- Ahmad Nasir, M. Y. (2017). Persepsi belia Penan terhadap Islam di Sarawak. *Malaysian Journal of Youth Studies (IYRES)*, 16, 191-204.
- Ahmad Sanusi, A. (2020). *40 Hadis tentang dakwah dan tarbiah*. Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan: Ulum Hadis Research Centre.
- Akhmad Sagir. (2015). Dakwah Bil-Hal: Prospek dan Tantangan Da'i. *AL-HADHARAH: Jurnal Ilmu Dakwah*, 14(27).
- Al-Bukhari, al-Imam al-Hafidz Abi 'Abdillah Ibn Isma'il. (2003). *Shahīh al-Bukhāri*. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Al-Jurdāni, Muhammad bin ṢAbd Allāh. (2012). *Al-Jawāhir al-Lu'luīyyah Fī Syarhi al-Arba'īna al-Nawawīyyah*. Kaherah: Dār al-Fadhlāh.
- Al-Qur'ān Al-Karīm.
- al-Tirmīzī, Muhammad bin 'Isa bin Saurah. (1975). *Sunān al-Tirmīzī*. ed. Ibrāhīm ṢAthauwah. Mesir: Matba'ah Mustafā al-Bābi al-Halābi.
- Anhar, A. (2017). Metod Dakwah Rasul Ulū Al-ṣAzmi menurut HAMKA dalam tafsir Al-Azhar. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Burhanuddin, J., Amnah Saayah, I., & Sayuti, A. B. (2018). Pendekatan dakwah untuk cabaran masa depan: Satu soroton. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(1), 23-33.

- Che Nur Hasanah, C. H., Mariam, A. M., & Muhammad Yusuf Marlon, A. (2018). Persepsi masyarakat Orang Asli terhadap Islam di Kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, 2(1), 1-14.
- Ulwān, ◦Abd Allah Nāsih. (1986). *Kayfa Yadī al-Dā'iyyah*. Beirut: Dār al-Salām.
- Izzaty Ulya Munirah, A. Z., & Zainab, I. (2018). Trait personaliti pendakwah Muslim: Satu sorotan literatur. *Al-Hikmah*, 10(1).
- Kamaluddin. (2015). Kompetensi dai'i profesional. *Jurnal HIKMAH*, 11(01), 104-124.
- Kamus Dewan. (4th ed.). (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah, M. K. (2013). Rahmah Li al-‘ālamīn: Dakwah dalam masyarakat majmuk di Malaysia (Panduan Dialog Antara Agama Dalam Konteks Fiqh Al-Ta’ayusy). *Journal of Islam and the Contemporary World*, 6, 83-120.
- Khairul Azhar, M. (2019). Cabaran dakwah terhadap golongan non-Muslim di Malaysia. *Jurnal Maw’izah*, 2, 14-22.
- Mohd Azhar, A.H, Rosman, M. Y., Muhammed Fauzi, O., & Mohd Koharuddin, B. (2013). Perspektif rang Cina terhadap agama Islam di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 60, 11–19.
- Mohd Farid Ravi, A. (2019). Fiqh dakwah masyarakat majmuk di Malaysia. *Kertas Kerja dalam Muzakarah Pakar Kaedah Fiqh Manhaj Malaysia*. 26 September 2019 di Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mohd Siroj, A. L., & Roshimah, S. (2020). Pendekatan dakwah Nabi SAW terhadap wanita menurut al-Sunnah. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities (Al-‘Abqari)*, 23 (1), 213-234.
- Mohd. Abdul Nasir, A. L., Ahmad Zulfiqar Shah., Abd. Hadi., & Mohd Yakub @ Zulkifli, M. Y. (2014). Kajian mengenai dialog dua hala sebagai pendekatan Qur'ani dalam Tilawah al-Qur'an. *Jurnal Perspektif*, 6 (1), 60-69.
- Muhammad Faris, A.F., & Nur A'thiroh Masyaa'il, T. A. (2018). Keberkesanan program dakwah MACMA Kelantan terhadap Muallaf. *Jurnal At-Tahkim*, 8, (25).
- Muhammad Thālib, K., & al-Syeikh Hasan. (2007). *Manhaj Ulī Al-‘Azmi Min Al-Rusul Fī Al-Da‘wah Ilā Allāh*. *Tesis Ijazah Sarjana*. University Of Quds.
- Nur Dalinur, M. (2017). Metode dakwah Rasulullah SAW kepada golongan non-Muslim di Madinah. *Jurnal Wardah*, 18(1), 87-100.
- Osman Abdullah, C.H.L. (2006). Methodology of Da'wah to the non-Muslim Chinese in Malaysia: A preliminary observation. *Journal ‘Ulum Islamiyyah*, 5 (1).
- Safrodin. (2019). Uslūb al-Da'wah dalam penafsiran al-Quran: Sebuah Upaya Rekonstruksi. *Jurnal Ilmu Dakwah*, 39(1), 57-69.
- Sahīh Muslim, An-Nisaburi, Abī al-Hasan Muslim Ibn al-Hujāj Ibn Muslim al-Qusyairi. (2007). *Sahīh Muslim*. al-Mansurah: Dār al-Ghaddi al-Ghadeed
- Suzanah, N. (2012). Gerakan dakwah di Kota Kinabalu: Kajian terhadap Pertubuhan Islam seluruh Sabah (USIA). *Tesis Sarjana Usuluddin*. Universiti Malaya.
- Syarul Azman, S., Muhammad Yusuf, M. A., Sahlawati. A. B., & Siti Khaulah, M. H. (2018). Persepsi masyarakat non-Muslim terhadap dakwah Islam di Malaysia. *IRSYAD 2018 e-Proceeding*. 4th International Conference on Islamiyyat Studies, 18th-19th September 2018, Tenera Hotel. Bandar Baru Bangi, Selangor.
- Wahyu Oktaviana. (2020). Dakwah Bil Hal sebagai metode dakwah pada masyarakat Srikaton Seputih Surabaya Kabupaten Lampung Tengah. *Tesis Sarjana Sosial*, Fakultas Ushuluddin, Adab Dan Dakwah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Metro.
- Zainab, I., Wan Ibrahim, W. A., & Wan Abdul Rahman Khudzri, W. A. (2009). Cabaran ulama Borneo dalam penyebaran Agama Islam di Sarawak. *Borneo Research Journal*, 3, 173-186.
- Zaydān, A. A. K. (1976). *Usūl al-Da‘wah*. Baghdad: Maktabah Al-Manār Al-Islāmīyyah.
- Zikmal, F., & Noorhafifah, I. (2019). Metodologi dakwah pendakwah terhadap saudara baru (Kajian Di PERKIM Kuala Lumpur). *Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 ke-3*, Hotel Grand Blue Wave Shah Alam, Selangor, 22 Oktober 2019.